



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) LIF  
GRED 2**

**2024**

## KANDUNGAN

|  |    |
|--|----|
| 1.0 PENDAHULUAN .....  | 3  |
| 2.0 PUNCA KUASA .....  | 3  |
| 3.0 TAFSIRAN .....   | 4  |
| 4.0 SKOP.....  | 4  |
| 5.0 SYARAT PERMOHONAN .....  | 5  |
| 5.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN BARU SEBAGAI ORANG YANG<br>BERKELAYAKAN (OYB LIF) GRED 2 .....                | 5  |
| 5.2 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN SEBAGAI ORANG<br>YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 2 .....     | 6  |
| 5.3 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PERTUKARAN SYARIKAT BAGI<br>ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 2..... | 7  |
| 5.4 TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF)<br>GRED 2.....                                     | 7  |
| 6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN.....  | 8  |
| 6.1 Butiran Permohonan.....  | 8  |
| 7.0 DOKUMEN.....   | 11 |
| 7.1 Dokumen Permohonan.....  | 11 |
| 8.0 PEMAKLUMAN .....   | 12 |
| 9.0 FI .....   | 12 |
| 10.0 PIAGAM PELANGGAN .....  | 13 |

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Panduan ini terbahagi kepada tiga (3) iaitu:
  - a. Panduan Permohonan Pendaftaran Baru
  - b. Panduan Permohonan Pembaharuan
  - c. Panduan Permohonan Pertukaran Syarikat
- 1.2. Panduan ini disediakan untuk rujukan pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran baru / pembaharuan / pertukaran syarikat Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas serta mengelakkan kekeliruan kepada pihak pemohon berkenaan hal-hal berkaitan pendaftaran baru / pembaharuan / pertukaran syarikat bagi Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2. Semua permohonan perlu dibuat melalui sistem Myskud. Bagi menjana surat / slip kelulusan OYB Lif, pemohon / syarikat perlu mengemaskini maklumat OYB Lif yang telah diluluskan di dalam maklumat Orang Kompeten (Syarikat).
- 1.3. **Permohonan Pendaftaran Baru** - Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 perlu memilih menu Pendaftaran Baru dan perlu hadir dan lulus penilaian yang dijalankan oleh Ketua Pemeriksa atau wakilnya atau di pusat bertauliahan yang diluluskan oleh Jabatan.
- 1.4. **Permohonan Pembaharuan** - Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 perlu memilih menu Pembaharuan dan memastikan bahawa bilangan penelitian loji adalah mencukupi iaitu sekurang - kurangnya **enam puluh (60) Penelitian Menyeluruhan setahun**.
- 1.5. **Permohonan Pertukaran Syarikat** - Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 perlu memilih menu Pertukaran syarikat dan perlu menduduki sesi temuduga.
- 1.6. Panduan permohonan ini telah dikemaskini mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (LYMPK 2024).

## 2.0 PUNCA KUASA

- 2.1. Seksyen 31B Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dinyatakan dalam Akta dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 kecuali telah berdaftar sebagai Orang Kompeten (Syarikat) seperti mana ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

2.2. Peraturan 4(1)(g), Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 telah menyatakan bahawa jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu merupakan dandang stim atau jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh, memastikan bahawa dandang stim atau jentera mengangkat itu dipasang oleh orang kompeten atau Pembuka dan Pemasang asalan.

### **3.0 TAFSIRAN**

- 3.1. Orang Kompeten ertinya orang kompeten yang berdaftar di bawah Seksyen 31C AKKP 1994.
- 3.2. Orang Yang Berkelayakan ertinya Orang Kompeten seperti yang diterangkan dalam 3.1.
- 3.3. Jentera mengangkat ertinya apa-apa kelengkapan untuk mengangkat, menaikkan, mengangkut atau menurunkan beban.
- 3.4. Standard yang diiktiraf ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

### **4.0 SKOP**

Skop Panduan permohonan adalah berdasarkan Jadual di bawah:

| <b>SKOP PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PEMASANG &amp; PEMBUKA LIF, ESKALATOR &amp; LALUAN GERAK</b> |                      |
|--|----------------------|
| <b>KOD</b>   | <b>SKOP</b>          |
| L1   | Lif                  |
| L2   | Eskalator/Travelator |
| L3   | Laluan Gerak         |

**Jadual 1**

## **5.0 SYARAT PERMOHONAN**

Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Jabatan mengikut kategori permohonan iaitu Permohonan Baru, Pembaharuan, Pertukaran Syarikat dan Penambahan Skop.

### **5.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN BARU SEBAGAI ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB LIF) GRED 2**

- a. Warganegara Malaysia; dan
- b. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) yang diiktiraf; dan
- c. Mempunyai pengalaman dan kelayakan seperti berikut :
  - i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf 1 dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang pemasangan, penelitian, pengujian dan penyelenggaraan untuk lif, eskalator dan laluan gerak; atau
  - ii. Diploma Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf 1 dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang pemasangan, penelitian, pengujian dan penyelenggaraan untuk lif, eskalator dan laluan gerak; atau
  - iii. Sijil Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf 1 dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau bidang Lif dan Eskalator yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang pemasangan, penelitian, pengujian dan penyelenggaraan untuk lif, eskalator dan laluan gerak; dan
- d. Bekerja tetap dengan syarikat yang berdaftar dengan jabatan; dan
- e. Hadir kursus dan lulus penilaian yang dijalankan oleh Ketua Pemeriksa atau wakilnya atau di pusat bertauliah yang diluluskan oleh Jabatan.

- f. Telah menghadiri latihan teknikal di syarikat prinsipal atau latihan tersebut di jalankan di syarikat, oleh Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 berkaitan lif, eskalator dan laluan gerak; dan Telah menghadiri kursus Pengurusan Risiko (Risk Management / HIRARC).
- g. Telah menghadiri kursus teknikal berkaitan pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan jentera mengangkat yang berkaitan dengan syarikat prinsipal.
- h. Tidak disabitkan dengan:
  - i. kesalahan dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648) atau sebarang peraturan yang dibuat dibawahnya; atau
  - ii. kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.

(Nota<sup>1</sup> Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik, pengiraan matematik kejuruteraan, rekabentuk lukisan kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan)

## **5.2 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN SEBAGAI ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 2**

- a. Telah berdaftar dan diluluskan sebagai Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2; dan
- b. Disahkan sihat oleh doktor kesihatan pekerjaan (OHD) yang diiktiraf; dan
- c. Berkhidmat sebagai Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 di syarikat yang telah diiktiraf oleh pihak Jabatan dengan melampirkan dokumen pembaharuan iaitu **Lampiran 2c**, **Lampiran 3** dan juga senarai jentera yang telah dibuat penelitian semasa kelulusan di syarikat terdahulu. (rujuk pada Lampiran yang disediakan); dan
- d. Telah menjalankan sekurang - kurangnya **enam puluh (60)** Penelitian Menyeluruh setahun bagi melayakkan pembaharuan sebagai Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2.
- e. Tidak disabitkan :
  - i. dengan kesalahan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648) atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
  - ii. dengan kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.

### **5.3 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PERTUKARAN SYARIKAT BAGI ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 2**

- a. Permohonan perlu dibuat selepas 1 bulan dari tarikh mula berkhidmat di syarikat baru dengan melampirkan dokumen-dokumen yang berikut ;
  - i. Melampirkan surat pengesahan kerja / surat tawaran kerja dari syarikat baru; dan
  - ii. Melampirkan surat / notis pemakluman pemberhentian perkhidmatan kepada syarikat terdahulu; dan
  - iii. Melampirkan dokumen pertukaran syarikat iaitu dokumen Lampiran 2d, Lampiran 3 dan juga senarai jentera yang telah diteliti semasa kelulusan di syarikat terdahulu. (rujuk pada Lampiran yang disediakan); dan
- b. Disahkan sihat oleh doktor kesihatan pekerjaan (OHD) yang diiktiraf; dan
- c. Telah menghadiri latihan teknikal di syarikat prinsipal atau latihan tersebut di jalankan di syarikat, oleh Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 berkaitan lif, eskalator dan laluan gerak; dan
- d. Tidak disabitkan dengan :
  - i. kesalahan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648) atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
  - ii. kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.

### **5.4 TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 2**

- a. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 perlu menjalankan sekurang-kurangnya enam puluh (60) laporan penelitian menyeluruh setiap tahun. Laporan penelitian menyeluruh tersebut perlu mengandungi maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Belas Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- b. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 perlulah menjalankan kewajipan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan (6)(2)(h), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan)
- c. Menghadiri bersama Pegawai atau Orang Berlesen semasa Pemeriksaan Berkala atau lain - lain pemeriksaan seperti yang tersebut di dalam Peraturan Peraturan (6), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan)
- d. OYB Lif di atas bertanggungjawab memastikan pemasangan lif / eskalator / laluan gerak mengikut verifikasi reka bentuk jentera mengangkat yang telah disemak oleh Jabatan;

- e. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB)Lif) Gred 2 hendaklah memastikan keselamatan dan Kesihatan pekerja Syarikat yang diluluskan serta orang lain semasa penelitian, ujian dan penyelenggaraan lif, escalator dan laluan gerak yang di bawah seliaannya;
- f. Mengawal seila Orang Yang Berkelayakan (OYB Lif) Gred 3 di Syarikat dia bekerja; dan
- g. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 hendaklah memaklumkan kepada JKKP atau OYB Lif Gred 1 di syarikat dia bekerja tentang sebarang kemalangan atau insiden yang melibatkan lif, escalator dan laluan gerak di bawah seliaannya.

## **6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN**

### **6.1 Butiran Permohonan**

#### **Bahagian A : Maklumat Permohonan**

| <b>MAKLUMAT</b>                  | <b>PENERANGAN</b>   |
|----------------------------------|---|
| <b>Gambar Pemohon</b>            | Gambar pemohon yang terkini berukuran passport, berlatar belakang berwarna biru |
| <b>Nama Pemohon</b>              | Nama penuh seperti di dalam kad pengenalan                                      |
| <b>No Kad Pengenalan</b>         | Seperti di dalam kad pengenalan   |
| <b>Alamat Surat<br/>Menyurat</b> | Alamat surat menyurat pemohon yang terkini                                      |
| <b>Nombor Telefon</b>            | Nombor telefon peribadi calon dan masih aktif                                   |
| <b>Emel</b>                      | Emel terkini calon dan masih aktif  |
| <b>Jantina</b>                   | Seperti di dalam kad pengenalan   |
| <b>Bangsa</b>                    | Seperti di dalam kad pengenalan   |

### Bahagian B : Maklumat Orang Kompeten (Syarikat)

| MAKLUMAT                                  | PENERANGAN  |
|---|---|
| <b>Nama Syarikat/Kilang</b>               | Nama penuh syarikat/majikan seperti di SSM                        |
| <b>No.Pendaftaran Kilang/Tempat Kerja</b> | Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja yang berdaftar dengan JKPP |
| <b>Alamat Premis</b>                      | Alamat penuh yang didaftarkan dengan JKPP                         |
| <b>No. Telefon</b>                        | Nombor telefon syarikat yang terkini dan aktif                    |
| <b>E-mel Syarikat</b>                     | Emel syarikat terkini dan aktif                                   |
| <b>Jawatan</b>                            | Jawatan pemohon di syarikat                                       |
| <b>Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi</b>  | Nama pegawai penyelia kepada pemohon di syarikat                  |
| <b>Email Pegawai Yang Boleh Dihubungi</b> | Email pegawai penyelia kepada pemohon di syarikat                 |

\*Bagi permohonan pembaharuan atau pertukaran firma, maklumat tempat kerja akan dipaparkan secara automatik berdasarkan kepada permohonan lepas, namun pemohon boleh mengemaskini maklumat Nama & No Telefon Pegawai Yang Boleh Dihubungi.

### Bahagian C : Maklumat Pendidikan

| MAKLUMAT                                     | PENERANGAN  |
|--|---|
| <b>Nama Institusi</b>                        | Nama Institusi Pendidikan   |
| <b>Taraf Pendidikan</b>                      | Taraf pendidikan tertinggi sehingga peringkat Ijazah sahaja (Taraf yang tertinggi sahaja)               |
| <b>Bidang Pendidikan</b>                     | Bidang pendidikan yang diambil (Bidang Kejuruteraan sahaja)   |
| <b>Tempoh Pendidikan</b>                     | Tempoh belajar sehingga tamat   |
| <b>Kursus/Latihan Teknikal Yang dihadiri</b> | Kursus / latihan teknikal berkenaan bidang tugas yang telah dihadiri pemohon dengan syarikat prinsipal. |

\*Bagi permohonan pembaharuan dan pertukaran firma, maklumat pendidikan akan dipaparkan secara automatik berdasarkan kepada permohonan lepas, namun pemohon boleh mengemaskini maklumat pendidikan dengan menambah maklumat pada ruangan ini.

#### Bahagian D : Pengalaman Bekerja

| MAKLUMAT                   | PENERANGAN  |
|----------------------------|---|
| <b>Nama Syarikat</b>       | Nama syarikat perlu dibuat carian di sistem       |
| <b>Bidang Bekerja</b>      | Skop kerja/tanggungjawab/peranan                  |
| <b>Jawatan</b>             | Jawatan yang disandang                            |
| <b>Tempoh Perkhidmatan</b> | Tempoh bekerja di syarikat terkini atau terdahulu |

*\*Maklumat pengalaman kerja akan dipaparkan secara automatik berdasarkan kepada permohonan lepas, namun pemohon WAJIB mengemaskini maklumat pengalaman kerja TERKINI dengan menambah maklumat pada ruangan ini*

#### Bahagian E : Maklumat Penilaian Dari Pusat Peperiksaan Diiktiraf Jabatan/MALEA

| MAKLUMAT                      | PENERANGAN   |
|-------------------------------|--|
| <b>Sesi Peperiksaan MALEA</b> | Sesi kursus yang dihadiri anjuran MALEA/ Orang kompeten Lif Gred 2   |
| <b>Tarikh Peperiksaan</b>     | Tarikh menduduki peperiksaan dengan pihak MALEA / Tarikh surat kelulusan sebagai OYK Lif Gred 2  |
| <b>Tarikh Kursus</b>          | Tarikh keseluruhan kursus yang dihadiri semasa kursus MALEA / Tempoh kelulusan berpandukan kepada surat kelulusan sebagai OYK Lif Gred 2 |

*\*Bagi permohonan pembaharuan dan pertukaran firma, maklumat Penilaian Dari Pusat Peperiksaan Diiktiraf Jabatan/MALEA JKPP tidak boleh dikemaskini, maklumat tersebut dipaparkan berdasarkan Pendaftaran pemohon di sistem MyKKP atau di profil pengguna MySKUD*

#### BAHAGIAN F : MAKLUMAT JENTERA

| MAKLUMAT                                 | PENERANGAN  |
|--|---|
| <b>No. Pendaftaran Jentera (No. PMA)</b> | - Maklumat jentera ini melibatkan jentera (Lif,Eskalator, Dumbwaiter) yang pernah di pasang/diperiksa/diselenggara/diuji oleh pemohon (wajib dilengkapkan bagi permohonan pembaharuan dan pertukaran firma) |

## 7.0 DOKUMEN

### 7.1 Dokumen Permohonan

Dokumen permohonan berikut hendaklah dimuat naik untuk permohonan ini dan perlu disimpan di dalam format PDF. **Salinan dokumen dan sijil ( bertanda \*)** perlu mendapat pengesahan daripada Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A. Gunakan Lampiran yang disediakan pada garis panduan ini.

| BUTIRAN   | PENERANGAN   |
|---|--|
| <b>Perakuan Pengalaman Dari OYK Lif Gred 1 – Lampiran 1</b>                                   | Pengalaman pemohon perlu diperakui oleh Orang kompeten (OYK) Lif Gred 1 seperti pada lampiran 1, panduan permohonan pendaftaran sebagai OYK Lif, ditandangan dan dicop oleh OYK Lif Gred 1 tersebut.<br><b>Perlu menggunakan borang seperti pada Lampiran 1.</b> |
| <b>Perakuan Perubatan (terkini) – Lampiran 4</b>  | Laporan pemeriksaan kesihatan daripada doktor perubatan yang diiktiraf. Tempoh laporan tersebut adalah mengikut tarikh yang dinyatakan pada perakuan tersebut.<br><b>Perlu menggunakan borang pada lampiran 4</b>  |
| <b>Sijil Kelayakan Akademik (Kejuruteraan) *</b>  | Sijil akademik tertinggi yang dimiliki sehingga peringkat Ijazah pertama sahaja.   |
| <b>Surat Pengesahan Lantikan Kerja Terkini (Appointment Letter)</b>                           | Surat pengesahan lantikan kerja dengan firma yang terkini.   |
| <b>Salinan Kad Pengenalan Berwarna *</b>  | Salinan depan dan belakang kad pengenalan berwarna yang di imbas mestilah jelas, terang dan berwarna.  |
| <b>Transkrip Akademik (Ijazah/Diploma/Sijil Kejuruteraan/Sijil Kemahiran Malaysia (SKM))*</b> | Salinan transkrip penuh Ijazah/Diploma/Sijil Kejuruteraan/Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) daripada institusi pendidikan di imbas dengan terang dan jelas.   |
| <b>Sijil MALEA/Pusat Peperiksaan</b>  | Salinan sijil lulus setelah menjalani kursus dan penilaian yang dianjurkan oleh Pusat peperiksaan yang diluluskan oleh pihak Jabatan.  |
| <b>Dokumen Lampiran Pembaharuan OYK Lif Gred 2 (Lampiran 2c)</b>                              | Dokumen pembaharuan iaitu Lampiran 2c yang terdapat pada panduan ini perlu dilengkapkan.   |
| <b>Perakuan daripada Pengarah Syarikat / Pengarah Urusan/OYK Lif</b>                          | Dokumen perakuan iaitu Lampiran 3 yang terdapat pada garis panduan ini perlu   |

| BUTIRAN  | PENERANGAN   |
|--|--|
| <b>Gred 1 (Lampiran 3)</b>   | dilengkapkan termasuk ruangan tandatangan Pengarah Syarikat / Pengarah Urusan/OYK Lif Gred 1   |
| <b>Sijil Kursus Berkaitan *</b>  | Sijil telah menghadiri kursus teknikal atau kursus KKP sepanjang kelulusan yang lepas bagi permohonan pembaharuan.                             |
| <b>Surat Pengesahan Perletakan Jawatan daripada majikan terdahulu</b>  | Melampirkan surat / notis pemakluman pemberhentian perkhidmatan kepada Firma kompeten (FYK) terdahulu.   |
| <b>Dokumen Lampiran Pertukaran Firma OYK Lif Gred 2 (Lampiran 2d)</b>  | Dokumen pertukaran iaitu Lampiran 2d yang terdapat pada panduan ini perlu dilengkapkan.  |
| <b>Dokumen Pemeriksaan Jadual Pertama / Jadual Kedua / Pemeriksaan Ulangan yang telah dibuat dalam tempoh kelulusan semasa</b> | Dokumen ini boleh dimuat turun daripada maklumat jentera yang telah dikemaskini (Bahagian F: Maklumat Jentera) dan dilampirkan di ruangan ini. |

## 8.0 PEMAKLUMAN

- 8.1. Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas syarikat jika didapati :
- Tidak memenuhi mana-mana syarat-syarat kelayakan Pendaftaran Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2; atau
  - Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
  - Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKPP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa ; atau
  - Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.
- 8.2. **Bagi calon fraud, nama calonakan disenarai hitamkan dan tidak akan dibenarkan untuk memohon pendaftaran sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat.**

## 9.0 FI

Pembayaran fi pemprosesan dan pendaftaran bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 2 adalah mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024

## **10.0 PIAGAM PELANGGAN**

Piagam pelanggan bagi permohonan Pendaftaran / Penambahan skop / Pembaharuan / Pertukaran syarikat Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 adalah 30 hari.

**Disediakan oleh:**

**UNIT PENGIFTIRAFAN**

**SEKSYEN PENGIFTIRAFAN, PEPERIKSAAN & PERSIJILAN**

**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI**

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**